TLC FINAL TERM EXAMINATIONS 2021

SIMEON

LEARNER'S NAME : ……

CLASS: ……

BAHASA PAPER **1 hour 30 minutes**

Additional Materials: NONE required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

1. Candidates to answer **ALL** questions on the Question Paper.
2. Write in **DARK BLUE** or **BLACK** pen. Draw diagrams / graphs in **pencil.**
3. Do not use **correction fluid /tape.**
4. Take note of the number of marks given in brackets **[ ]** at the end of each question.
5. Dictionaries, calculators and electronic devices are **NOT ALLOWED**.
6. Total marks for the paper is **100.**

DO NOT turn exam paper over until instructed to do so

This document contains of **14** printed pages

SECTION A

Answer **ALL** questions in the lines provided in the booklet. **[Total Marks 75]**

1. Laila membawa _____ untuk merakam persembahan adiknya.
   a. mikroskop
   b. cermin mata
   c. keris
   d. kamera

2. Adik Alina berumur sepuluh tahun. _____ belajar dalam tahun empat.
   a. Dia
   b. Saya
   c. Kami
   d. Beliau

3. Shukri _____ bola itu dengan kuat.
   a. minum
   b. makan
   c. lari
   d. tendang

4. Cuaca malam ini _____ kerana petang tadi hujan turun dengan lebat.
   a. panas
   b. sejuk
   c. berangin
   d. cerah

5. _____ memasuki rumah itu ketika penghuninya sedang tidur dengan nyenyak.
   a. Penyapu
   b. Mekanik
   c. Pencuri
   d. Jurugambar

6. _____, sakitnya tangan aku ni!.
   a. Aduh
   b. Wah
   c. Cis
   d. Eh

7. _____ Daniel menangis di kantin tadi?.
   a. Di manakah
   b. Berapakah
   c. Siapakah
   d. Mengapakah

8. _____ makan hidangan yang baru disediakan.
   a. Usah
   b. Jangan
   c. Jemput
   d. Tolong

9. Laila belum menghantar hasil _____ walaupun tarikh tutupnya semakin hampir.
   a. lagunya
   b. lukisannya
   c. sampahnya
   d. neneknya

10. Justina minum segelas susu coklat yang _____ sebelum menghadiri kelas tambahan.
   a. panas
   b. basi
   c. pedas
   d. masam

11. Perkelahan di tepi _____ itu dianjurkan oleh sekolah Gina.
   a. Stadium Bukit Jalil
   b. Taman Tasik Perdana
   c. Stesen Petrol Shell
   d. Kedai 7 – 11.

12. Pokok bunga mawar itu mempunyai _____ yang tajam.
   a. daun
   b. batang
   c. duri
   d. akar

13. Pradeep telah membeli sebuah _____ yang baharu di pameran komputer itu semalam.
   a. langsir
   b. surat khabar
   c. bendera
   d. tetikus

14. Sameera berasa _____ dan minum air sejuk kerana cuaca terlalu panas.
   a. dahaga
   b. lapar
   c. kenyang
   d. takut

15. Sara dan Sydney adalah pasangan kembar. _____ merupakan anak kepada seorang ahli perniagaan.
   a. Aku
   b. Mereka
   c. Saya
   d. Kami

16. Pakcik tua itu kelihatan sungguh lemah kerana sudah sehari suntuk _____ tidak makan.
    a. saya
    b. mereka
    c. dia
    d. baginda

17. "_____ perlu bercakap dengan sopan terutama dengan orang yang lebih tua daripada kita," kata Pakcik Xiang kepada anak-anaknya.
    a. Dia
    b. Beta
    c. Mereka
    d. Kamu

18. Brandon _____depan rumahnya pada setiap hari Sabtu.
    a. sapu
    b. diam
    c. sorak
    d. lari

19. Angin yang bertiup petang itu sungguh _____ hingga banyak pokok yang tumbang.
    a. lembut
    b. merdu
    c. redup
    d. kencang

20. _____ kami sampai di sekolah, bas yang akan membawa kami sudah berlepas.
    a. Sudah
    b. Walaupun
    c. Sebelum
    d. Namun

21. Suhaidi berlatih bersungguh-sungguh _____ terpilih untuk pasukan sekolahnya.
    a. kerana
    b. supaya
    c. jikalau
    d. namun begitu

22. Rashid hendak membeli permainan komputer baharu itu _____ harganya terlalu mahal.
    a. tetapi
    b. kerana
    c. serta
    d. kalau

23. Para penyelam _____ dengan keindahan dasar laut Pulau Kapas di Terengganu.
    a. ditarik
    b. tertarik
    c. menarik
    d. bertarik

24. “Maaf, cikgu. Bolehkah _____ pergi ke tandas?” tanya Rama kepada guru kelasnya.
   a. baginda
   b. dia
   c. saya
   d. kami

25. Ibu sedang _____ kari ikan untuk makan malam nanti.
   a. dimasak
   b. termasak
   c. masak
   d. masakan

[Jumlah: 25 markah]

Sameera,

Saya telah menjadi ahli pusat kesihatan di bandar saya. Saya nampak iklan televisyen mengenai pusat ini minggu lepas dan saya tertarik apabila melihat kemudahan-kemudahan yang mereka sediakan seperti gelanggang bola keranjang dan kolam renang.

Saya telah mendapat banyak kawan-kawan baru yang mengajar saya cara berenang dengan baik.

Saya rasa kamu harus datang dan jadi ahli. Kita boleh berenang bersama-sama setiap hujung minggu. Kita juga boleh main bola keranjang bersama dan berlatih untuk pertandingan bola keranjang pada akhir tahun ini. Saya akan hantarkan borang kepada kamu melalui e-mel ini.

Yamuna

Tanda kotak yang betul.

26. Apakah tujuan Yamuna menghantar e-mel kepada Sameera?.

A	☐	Memberitahu tentang menjadi ahli pusat kesihatan yang baru.
B	☐	Dia mahu menulis buku yang baru.
C	☐	Dia suka bersukan. [2]

27. Yamuna mendapat maklumat tentang pusat kesihatan daripada

A		iklan di majalah.
B		gambar di akhbar.
C		iklan televisyen. [2]

28. Siapakah yang mengajar Yamuna berenang dengan baik?

A		Ibu bapa Yamuna.
B		Jurulatih renang Yamuna.
C		Kawan-kawan baru Yamuna. [2]

29. Apakah yang Yamuna hantarkan bersama e-mel?

A		Borang untuk menjadi ahli baru.
B		Maklumat untuk membeli barang secara didalam talian.
C		Kerja sekolah yang diberikan oleh guru. [2]

30. Apakah yang akan berlaku pada akhir tahun?

A		Pertandingan drama.
B		Perlawanan bola keranjang.
C		Pertandingan badminton. [2]

[Jumlah: 10 markah]

Soalan 31 - 35 Baca iklan di bawah dan jawab soalan - soalan berikutnya:

Sempena perayaan Hari Kebangsaan tahun depan, para pelajar yang berminat diminta menyertai pertandingan menulis sajak, pantun dan cerpen yang bertema:

"Negara Kebanggaanku"

Pemenang-pemenang dari setiap kategori akan menerima hadiah lumayan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM300.00 dan sebuah piala.

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- U m ur : 12-16 tahun.
- Setiap pelajar hanya boleh menghantar sumbangan untuk **satu** kategori sahaja.
- Tarikh terakhir untuk sumbangan – 20 Mei 2022.

Para pengadil terdiri daripada empat orang Guru Besar dari beberapa sekolah menengah di daerah ini.

Semua karya yang berjaya akan diterbitkan dalam Majalah Dewan Siswa.

Tandakan benar (√) atau salah (X) bagi soalan-soalan berikut ini:

	Benar	**Salah**	
31. Para pelajar boleh menyertai salah satu kategori sahaja.	☐	☐	[1]
32. Para pelajar yang berusia 16 tahun masih boleh sertai pertandingan ini.	☐	☐	[1]
33. Hadiah yang akan diberikan adalah di dalam bentuk cek dan pingat.	☐	☐	[1]
34. Lima orang ibu bapa dipilih untuk menjadi pengadil pertandingan itu.	☐	☐	[1]
35. Penulisan yang berjaya akan diterbitkan di dalam Majalah Pelajar.	☐	☐	[1]

[Jumlah: 5 markah]

Soalan 36 – 45 Baca petikan di bawah dan pilih jawapan yang sesuai untuk diisi di tempat yang kosong.

pameran	berkumpul	disambut	dapat	menonton	melemahkan	menyedarkan
dibawa	membeli	lawatan	maklumat	melihat	mengetahui	mengurangkan

LAPORAN LAWATAN KE MUZIUM POLIS

Pada 15 September 2019, Persatuan Sejarah telah mengadakan 36)_____ ke Muzium Polis. Setiap ahli dikenakan bayaran RM70.00 untuk menyertai lawatan ini. Para peserta seramai 37 orang dan empat orang guru pengiring telah 37)_____ di dataran sekolah. Kami bertolak ke Muzium Polis pada pukul 8.30 pagi.

Kami tiba di Muzium Polis pada pukul 9.15 pagi. Kedatangan kami 38)_____ oleh seorang anggota polis yang bertugas. Beliau telah memandu kami melawat ke bahagian-bahagian di muzium itu.

Mula-mula kami telah dibawa ke sebuah bilik televisyen khas. Di situ kami telah 39)_____ tayangan video. Hasil tayangan tersebut, kami mendapat gambaran awal tentang bahan 40)_____ yang terdapat di Muzium Polis.

Dengan melawat muzium ini, kami 41)_____ mengetahui sejarah perkembangan perkhidmatan polis di Malaysia. Kami dapat melihat pakaian seragam polis dari dahulu hingga terkini. Selain itu, kami juga dapat 42)_____ senjata-senjata yang digunakan oleh penjenayah yang dirampas oleh polis.

Di samping itu, kami juga dapat 43)_____ tentang pelbagai peristiwa yang berkaitan dengan polis. Salah satu peristiwa penting yang kami ketahui ialah peristiwa Bukit Kepong. Pameran ini 44)_____ kami akan pentingnya peranan pihak polis dalam mengawal keselamatan negara dan pengorbanan mereka untuk keamanan negara.

Lawatan ke Muzium Polis berakhir pada pukul 2.30 petang. Sebelum pulang kami telah 45)_____ cenderamata. Lawatan ini banyak memberikan pengetahuan berguna kepada kami tentang polis dan pekerjaan mereka.

20 SEPTEMBER 2019

Disediakan oleh,

(Aaron Tan Vern Foo)

Setiausaha,

Persatuan Sejarah Sekolah La Salle

[Jumlah: 10 markah]

Isi tempat-tempat kosong di bawah dengan **jawapan y**ang paling **sesuai**.

tujuh belas	kopi ais	Tunku Abdul Rahman	roti canai	peguam

46. Nuraishah akan mencapai usia ..... tahun pada bulan Julai. [1]

47. Aishah ingin menjadi seorang ..... pada masa depan. [1]

48. ..... merupakan minuman kegemaran Noah. [1]

49. Selain nasi lemak, Diana juga suka makan ..... [1]

50. ..... merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama. [1]

[Jumlah: 5 markah]

Soalan 51 - 60

Baca petikan di bawah dan jawab soalan - soalan berikutnya:

Percutian yang tidak dapat dilupakan

Cuti sekolah yang lalu ialah masa yang penuh dengan pengalaman menarik bagi saya. Abang saya menjemput saya bercuti dengan keluarganya di sebuah pulau yang terpencil di mana dia menjadi pengurus sebuah taman haiwan. Di taman haiwan itu terdapat pelbagai haiwan seperti monyet, beruang, harimau, kambing dan kura – kura.

Abang saya mahu saya menolongnya menjaga monyet. Saya berasa sangat teruja. Saya mula dengan memberi makanan kepada mereka setiap hari dan membersihkan kawasan tempat mereka tinggal.

Oleh kerana setiap hari mereka nampak saya membawa makanan mereka, mereka mula kenal saya. Mereka melompat-lompat apabila mereka nampak saya datang dengan makanan mereka. Monyet suka pisang tetapi saya mendapat tahu mereka juga suka makan serangga! Selama saya di pulau itu, mereka sudah menjadi seperti kawan-kawan saya.

Saya suka melihat mereka melompat dari satu pokok ke pokok yang lain. Apa yang lebih menarik ialah sikap kasih sayang mereka, terutama sekali terhadap anak-anak mereka.

Pada akhir percutian saya, saya rasa sangat sedih untuk meninggalkan pulau ini. Saya menghabiskan masa dengan haiwan-haiwan yang sudah menjadi kawan baik saya. Saya berasa saya telah banyak belajar tentang sifat dan tabiat haiwan.

Saya pasti saya akan kembali untuk menolong abang saya menjaga haiwan-haiwannya kerana saya sudah mula menyayangi mereka.

51. Di manakah taman haiwan yang diuruskan oleh abang penulis?

.....[1]

52. Apakah tugas penulis semasa bekerja di taman haiwan itu?

(i) .....[1]

(ii) .....[1]

53. Mengapakah abang penulis mahu dia bekerja di taman haiwan itu?

.....[1]

54. Apakah reaksi monyet semasa melihat penulis membawa makanan mereka?

.....[1]

55. Bagaimanakah hubungan penulis dengan haiwan-haiwan itu?

.....[1]

56. Apakah perkara baru mengenai monyet yang diketahui oleh penulis?

.....[1]

57. Apakah yang dipelajari oleh penulis tentang haiwan selepas bekerja di taman haiwan?

.....[1]

58. Apakah yang penulis rasa paling menarik tentang haiwan-haiwan ini?

.....[1]

59. Mengapakah penullis akan kembali ke pulau itu pada masa depan?

.....[1]

60. Apakah nama 5 haiwan - haiwan yang ada di taman haiwan itu?

i) ..... [1]

ii) .....[1]

iii) .....[1]

iv) .....[1]

v) .....[1]

[Jumlah: 15 markah]

Section B: 1. Labelkan gambar di bawah dengan perkataan yang sesuai dalam **Bahasa Melayu.**

[Total Marks: 30]





Contoh: Teleskop/ melihat bintang















1. ..... 2. ..... 3. .....

4..... 5. ..... 6. .....

7. ..... 8. ..... 9. .....

10. ..... 11. ..... 12. .....

13. ..... 14. ..... 15. .....

16. ..... 17. ..... 18. .....

19. ..... 20. .....

[Jumlah: 20 markah]

2. Bina lima ayat berdasarkan gambar di bawah.



1. _____

_____

2. _____

_____

3. _____

_____

4. _____

_____

5. _____

_____

[Jumlah: 10 markah]

THIS IS THE END OF THE QUESTION PAPER